



St Leonard's College

Proses dan Dasar Permohonan Pelajar Antarabangsa





Proses dan Dasar Permohonan Pelajar Antarabangsa

Proses permohonan

Pelajar antarabangsa yang ingin memohon tempat di St Leonard's College mesti mengemukakan:

1. Borang Permohonan Pendaftaran Pelajar Antarabangsa yang telah dilengkapkan
2. Fotokopi sijil kelahiran, pasport, visa dan/atau sijil kerakyatan pelajar
3. Salinan diperakui dan diterjemahkan bagi dua laporan sekolah pelajar itu yang terbaru
4. Salinan dokumen tentang apa-apa ujian tambahan berkaitan pendidikan yang diambil
5. Bagi pelajar daripada latar belakang bukan Bahasa Inggeris, salinan Keputusan Ujian AEAS.

Untuk penerangan lanjut, sila hubungi:

AEAS – Nombor Telefon: + 61 3 9654 7000 | E-mel: admin@aeas.com.au | www.aeas.com.au

Setelah Kolej menerima dokumentasi yang dikehendaki permohonan akan ditinjau oleh Pengarah Hubungan Antarabangsa, Pemasaran dan Komunikasi, serta Ketua Sekolah yang berkenaan. Setelah itu, keputusan permohonan akan dimaklumkan kepada pemohon, keluarganya atau ejen yang dilantik.

Jika permohonan berjaya, Surat Tawaran akan dibuat dengan syarat-syarat berikut:

1. Selesai mengikuti program Bahasa Inggeris Intensif (IEL) Kolej dengan berjaya
2. Berjaya dalam ujian AEAS setelah PLACE, yang menandakan pelajar bersedia untuk beralih ke kelas aliran utama; dan
3. Temu duga dengan Ketua Sekolah, antara lain untuk menentukan pilihan mata pelajaran.

Penilaian Bahasa Inggeris

Semua pelajar yang memohon memasuki Kolej dalam Tahun 5 dan seterusnya, dan tidak mempunyai Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama, dikehendaki menduduki Ujian Penilaian Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh Perkhidmatan Penilaian Pendidikan Australia (AEAS). Ujian mesti selesai dijalani, sama ada di Australia atau negara asal pelajar, sebelum mengemukakan permohonan pendaftaran. Keputusan ujian akan disampaikan kepada Kolej.

Surat tawaran

Tawaran pendaftaran akan dibuat secara bertulis. Untuk menerima tawaran ini, semua yuran dan bayaran yang dinyatakan mesti dilunaskan selewat-lewatnya pada tarikh terakhir, untuk mengesahkan tawaran tempat. Jika bayaran tidak diterima, tawaran itu boleh ditarik balik atas budi bicara Kolej.

Setelah yuran dan bayaran dilunaskan, Kolej akan mengeluarkan Surat Pengesahan Pendaftaran (COE), Surat Pengesahan Penginapan Wajar dan Kebajikan (CAAW), dan Perlindungan Kesihatan Pelajar Luar Negara (OSHC), yang diperlukan bersama Surat Tawaran bagi memohon visa pelajar. Permohonan visa mesti dikemukakan di Kedutaan Australia atau Suruhanjaya Tinggi Australia.

Jika pelajar menanggungkan pendaftaran setelah tarikh yang dinyatakan dalam Surat Tawaran, status visa pelajar itu mungkin terjejas.

Yuran dan bayaran, serta insurans kesihatan

Sila lihat risalah *Yuran dan Bayaran Pelajar Antarabangsa*.

Notis penarikan diri

Pelajar antarabangsa tidak dibenarkan berpindah dari St Leonard's College ke institusi pendidikan lain dalam tempoh enam bulan sejak tarikh mula bersekolah. Jika pelajar ingin menarik diri setelah tempoh pendaftaran yang pertama ini, notis bertulis sekurang-kurangnya satu penggal harus diberikan kepada enrolment@stleonards.vic.edu.au, dan ditujukan kepada Pengarah Hubungan Antarabangsa, Pemasaran dan Komunikasi. Jika proses ini tidak diikuti, bayaran setara dengan yuran satu penggal akan dikenakan.

Kesejahteraan dan tempat tinggal

St Leonard's College bertanggungjawab atas kesejahteraan dan tempat tinggal pelajar antarabangsa yang bersekolah di sini dengan visa pelajar.

Kolej mewajibkan semua pelajar tinggal bersama saudara mara atau di Penginapan Keluarga yang diluluskan olehnya. Pelajar wajib memaklumkan Kolej jika ada perubahan alamat semasa terdaftar di sini. Jika Kolej telah meluluskan urusan kesejahteraan dan tempat tinggal, pelajar mesti lebih dahulu mendapatkan kelulusan Kolej dan ibu bapa sebelum membuat apa jua perubahan kepada urusan kesejahteraan dan tempat tinggal tersebut. Dalam hal yang demikian, St Leonard's College akan mengaturkan penginapan keluarga bagi pihak pelajar. Apa jua kos yang terbabit dengan perubahan tersebut akan ditanggung oleh pelajar dan dikenakan pada akaun sekolah.

Pelajar yang ditemani saudara mara yang tinggal di Australia dengan Visa Waris tidak memerlukan kelulusan tempat tinggal.

Penjaga utama/Waris

Walaupun Kolej bertanggungjawab atas semua pelajar antarabangsa, demi membantu menguruskan kesejahteraan dan penjagaan mereka, seorang penjaga utama mesti dinamakan bagi setiap pelajar, tidak kira umur.

Penjaga utama mesti diluluskan oleh Kolej tetapi boleh dilantik oleh ibu bapa atau oleh Kolej. Peranan penjaga utama ialah bertindak bagi pihak pelajar semasa mereka berada di Kolej. Penjaga utama mestilah seorang dewasa yang matang, berumur lebih 21 tahun, serta sanggup dan mampu membantu pelajar jika perlu. Hal-hal tersebut mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada: isu berkaitan kedatangan, kemajuan pelajaran, penjagaan pastoral, kesihatan dan kesejahteraan, dan tempat tinggal. Penjaga utama harus dapat menghadiri majlis sekolah yang biasanya dihadiri ibu bapa, seperti malam penerangan, wawancara ibu bapa guru, dan acara lain di Kolej termasuk Malam Pidato serta persembahan dan pementasan yang melibatkan pelajar berkenaan.

Bersama ibu bapa dan Kolej, penjaga utama juga harus mengawasi perjalanan pelajar dari tanah air ke tempat tinggal di Australia. Penjaga utama juga harus membantu sekiranya pelajar berganti penginapan keluarga, dan memantau aktiviti pelajar semasa hujung minggu dan tempoh cuti.

Pelajar dan keluarga mereka disarankan supaya jangan berurusan dengan agensi Waris Pelajar atau Penginapan Keluarga.

Dasar pengembalian wang untuk pelajar antarabangsa

Yuran Permohonan dan Yuran Pengesahan Pendaftaran Antarabangsa tidak akan dikembalikan jika permohonan pelajar dibatalkan.

- Yuran Permohonan, Yuran Pengesahan, Insurans Kesihatan dan Yuran Tuisyen akan dikembalikan sepenuhnya jika permohonan visa ditolak
- Bayaran Pembatalan sebanyak AUD \$1000 akan dikenakan jika pelajar membatalkan pendaftaran dalam masa 30 hari sejak tarikh permulaan yang mereka usulkan
- Setelah pendaftaran mereka dimulakan di Kolej, jika tiada syarat memberi notis satu penggal penuh, denda setara dengan yuran satu penggal akan dikenakan
- Semua pengembalian wang akan dibuat dalam mata wang dolar Australia kepada pihak yang membuat pembayaran asal; dan,
- Kolej akan menimbangkan sebab pembatalan atau penarikan diri pelajar dalam melaksanakan dasar pengembalian wang ini
- Persetujuan ini tidak membatalkan hak Kolej untuk mengambil tindakan lanjut bagi memungut yuran dan bayaran yang masih tertunggak.
- Untuk menuntut pengembalian wang, pelajar mesti memaklumkan Pengarah Program Antarabangsa secara bertulis tentang niat untuk membatalkan pendaftaran dan menuntut pengembalian wang. Jika notis yang cukup masanya telah diterima, pengembalian wang akan diproses dan diselesaikan dalam masa enam minggu.

Dasar sungutan pelajar antarabangsa

Sungutan yang dikemukakan oleh pelajar/ibu bapa/waris terhadap pelajar lain akan dikendalikan menurut dasar Anti Membuli, Gangguan, Kebajikan dan Disiplin, dan Pengelolaan Tingkah Laku yang diterapkan oleh Kolej.

Penyelesaian aduan secara tidak formal

1. Sebagai langkah pertama, pihak Kolej meminta semua pihak supaya berusaha menyelesaikan aduan berkenaan melalui pengantaraan atau penyelesaian tidak formal.
2. Pelajar/ibu bapa/waris patut menghubungi guru/Ketua Rumah/Ketua Sekolah pelajar sebagai langkah pertama, untuk cuba menyelesaikan aduan melalui pengantaraan atau secara tidak formal.
3. Jika tidak dapat diselesaikan melalui pengantaraan, perkara itu akan dirujuk kepada Pengetua. Seterusnya, prosedur formal dalaman Kolej bagi mengendalikan aduan dan rayuan akan diikuti.

Prosedur formal bagi mengendalikan aduan dan rayuan

1. Proses pengendalian aduan ini dijalankan secara sulit. Aduan atau rayuan adalah urusan pihak-pihak yang berkenaan serta mereka yang terbabit secara langsung dalam proses pengendalian aduan.
2. Pelajar/ibu bapa/waris mesti memberitahu Kolej secara bertulis tentang aduan atau rayuan mereka dan perinciannya.
3. Aduan atau rayuan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Pengetua.
4. Jika proses aduan dan rayuan dalaman digunakan kerana adanya pemberitahuan bahawa Kolej akan melaporkan pelajar berkenaan atas dasar kedatangan tidak memuaskan, kemajuan tidak memuaskan atau pendaftaran digantung atau dibatalkan, pelajar/ibu bapa/waris diberikan masa 20 hari sejak tarikh pemberitahuan itu untuk mengemukakan rayuan bertulis.
5. Proses aduan dan rayuan dalaman disediakan untuk pelajar tanpa bayaran.
6. Setiap pengadu diberi peluang untuk membentangkan kes kepada Pengetua.
7. Pelajar/ibu bapa/waris boleh ditemani dan dibantu dalam semua pertemuan yang berkenaan oleh seorang pendamping, iaitu sahabat/guru/saudara mara yang tidak terbabit dalam sungutan itu. Namun, pada peringkat ini, peguam dan/atau ejen pendidikan tidak diterima sebagai pendamping.
8. Proses sungutan formal akan dimulakan dalam masa sepuluh hari kerja (mana-mana hari selain Sabtu, Ahad atau hari kelepasan am semasa penggal) setelah aduan atau rayuan dikemukakan kepada Pengetua.
9. Setelah Pengetua membuat keputusan tentang aduan atau rayuan itu, pelajar/ibu bapa/waris akan dimaklumkan secara bertulis tentang keputusan itu dan sebab-sebabnya.
10. Jika prosedur sungutan itu memihak kepada pelajar, St Leonard's College akan serta merta melaksanakan keputusan itu dan apa-apa tindakan pembedahan dan pencegahan yang dikehendaki.

11. Rekod semua dokumen berkaitan dengan sungutan atau aduan atau rayuan itu serta proses dan keputusannya akan dicatatkan secara lengkap dalam fail pelajar dan dalam fail sungutan Pelajar Antarabangsa. Rekod akan disimpan dalam salinan digital dan kertas.
12. St Leonard's College berikrar untuk menyelesaikan semua prosedur sungutan dalam masa sepuluh hari kerja (kecuali dipandang tidak praktikal, dan jika demikian pelajar/waris/keluarga akan diberitahu tarikh penyelesaian yang dijangkakan).
13. Kolej akan memaklumkan pelajar, secara bertulis, bahawa pendaftaran pelajar akan dikekalkan semasa rayuan diuruskan. Sepanjang proses rayuan itu, pelajar dikehendaki mengekalkan pendaftaran dan kedatangan di semua kelas seperti biasa.

Proses rayuan luaran

Jika Prosedur Aduan Formal Kolej tidak memihak kepada pelajar, atau pelajar tidak puas hati dengan keputusannya, dia akan diberitahu tentang proses aduan dan rayuan luaran yang dapat digunakan dengan kos minimum atau tanpa kos.

Badan luaran yang digunakan untuk proses aduan dan rayuan luaran St Leonard's College adalah:

Dispute Settlement Centre of Victoria

235 Queen Street

Melbourne 3000

Telefon: 9603 8370

Setelah pengantara menyarankan langkah yang patut diambil, kedua-dua pihak dikehendaki mematuhi saranan itu dan menghentikan sengketa seterusnya.



St Leonard's College